

FANATIK DAN TAKSUB DALAM ISLAM: ANALISIS PANDANGAN AL-QARADAWI

Oleh:

Mohamad Kamil Hj Ab Majid *

Abstract

Religious fanaticism is a phenomenon that has been practised in Muslim society since a long time ago. Religion is regarded as the main factor that causes the arising and flourishing of this practice in Muslim society, hence, the method or approach to be adopted to overcome this phenomenon should be based on Islamic teaching. This article attempts to highlight al-Qaradawi's point of view on how to approach and overcome this phenomenon in Muslim society of today. His opinion will be referred and analysed. The writer also discusses the issue in the context of Malay society.

Budaya atau fenomena fanatik dan taksub adalah budaya negatif yang wujud dalam masyarakat Islam sejak saman berzaman. Memandangkan fenomena ini lahir cetusan dari faktor agama, maka kaedah atau pendekatan penyelesaiannya juga perlu berlandaskan pendekatan keagamaan. Menerusi artikel ini, penulis akan mengengahkan pandangan Dr. Yusuf al-Qaradawi mengenai budaya ini yang semakin menular dalam masyarakat Islam, khususnya di zaman mutakhir. Pandangan beliau yang terabadi dalam karya-karyanya akan dirujuk oleh penulis bagi memantapkan analisis mengenai pemikirannya. Penulis juga akan mengaitkan isu yang dibincangkan dengan beberapa fenomena yang berlaku di Malaysia.

I

Istilah “fanatik” bermaksud sikap yang keterlaluan dan melampau dalam sesuatu pegangan atau pendirian, dan biasanya berkaitan dengan keagamaan.¹ Ia disamaertikan dengan taksub. Lawan bagi perkataan ‘fanatik’ dan ‘taksub’ ini ialah *tasamuh* dan toleransi. *Tasamuh* diertikan dengan kelapangan dada, keluasan fikiran dan kesabaran.²

* Prof Madya di Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Beliau juga merupakan mantan Timbalan Pengarah Ijazah Dasar & HEP, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

¹ Teuku Iskandar (1986), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

² *Ibid.*

Sikap fanatik dan taksub dilarang oleh Allah SWT terhadap umat terdahulu, khususnya *ahl al-kitāb*. Allah SWT berfirman:

قُلْ يَتَاهُلَ الْكِتَابِ لَا تَغْلُوا فِي دِينِكُمْ غَيْرَ الْحَقِّ وَلَا تَتَّبِعُوا أَهْوَاءَ قَوْمٍ قَدْ ضَلُّوا مِنْ قَبْلُ وَأَضَلُّوا كَثِيرًا وَضَلُّوا عَنْ سَوَاءِ السَّبِيلِ ﴿٧٧﴾

Maksudnya:

“Katakanlah: “Wahai Ahli Kitab! Janganlah kamu melampau-lampau dalam agama kamu secara yang tidak benar, dan janganlah kamu menurut hawa nafsu suatu kaum yang telah sesat sebelum ini dan telah menyesatkan banyak manusia, dan juga (sekarang) mereka telah tersesat (jauh) dari jalan yang betul.” (Surah al-Ma’idah (5): 77).

Melampau-lampau diistilahkan dengan *al-ghuluww*, *al-tanattu’* dan *al-tasydid*.³ Sikap melampau bertentangan dengan sikap adil dan sederhana seperti yang dituntut oleh Islam. Allah SWT berfirman:

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا ۗ

Maksudnya:

“Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah), dan Rasulullah (Muhammad) pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu.” (Surah al-Baqarah (2): 143).

Beberapa maksud hadis cukup menjelaskan bahwa Islam tidak menyukai sebarang perkataan dan perbuatan yang dilakukan oleh seseorang dalam bentuk yang melampau-lampau. Rasulullah s.a.w. pernah bersabda:

وَأَيُّكُمْ وَالْغُلُوُّ فِي الدِّينِ، فَإِنَّمَا هَلَكَ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ بِالْغُلُوِّ فِي الدِّينِ.

³ Al-Qaradawi, Yusuf (1984), *Kebangunan Islam Di Antara Tentangan Dan Ekstrimisme*, (terj.), Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, h. 17.

Maksudnya:

*“Jauhilah melampau dalam agama. Sesungguhnya rosaknya orang-orang sebelum kamu kerana mereka melampau dalam agama.”*⁴

Abu Hurairah r.a. pula meriwayatkan sabda Rasulullah s.a.w.:

إِنَّ الدِّينَ يُسْرٌ، وَلَنْ يُشَادَّ الدِّينَ أَحَدٌ إِلَّا غَلَبَهُ.

Maksudnya:

*“Sesungguhnya agama ini mudah. Tiada seseorang yang mempersulitkan agama melainkan dikalahkannya.”*⁵

Sikap taksub dan fanatik kepada pendapat sendiri mahupun guru dan kumpulan masing-masing adalah salah satu daripada gejala melampau-lampau. Ia menggambarkan kebekuan fahaman seseorang yang tidak boleh melihat *masalah* umum.⁶ Ia juga menggambarkan seseorang yang tidak berkemampuan membuka perbincangan untuk membandingkan pendapatnya dengan pendapat pihak-pihak lain bagi mengambil pendapat yang lebih kuat dalil dan alasannya.

Sikap fanatik dan taksub adalah sikap tertutup terhadap pandangan lain yang berbeza dan berusaha meniadakannya. Sikap begini adalah pembawaan yang memandang hanya diri atau kumpulan sendiri sahaja yang betul, manakala pihak lain adalah salah, malah secara berani menuduh pihak yang berlainan pendapat sebagai jahil dan bodoh. Pihak yang tidak menurut pemikirannya dianggap fasiq dan derhaka. Keadaan ini, seolah-olah menjadikan diri sendiri sebagai rasul yang maksum dan kata-katanya sebagai sabda yang diwahyukan, sedangkan semua ulama salaf dan khalaf telah berijmak bahawa semua pendapat boleh, diambil dan ditinggalkan, kecuali sabda Rasulullah s.a.w.

Taksub dan fanatik yang dikutuk begini adalah sikap orang-orang yang cuba mengikat pihak lain kepada dirinya dan menafikan peranan orang lain. Orang yang

⁴ Ahmad, dalam Musnad Bani Hāsyim, *Musnad*; dan al-Hakim, *Mustadrak*. Diriwayatkan juga dengan lafaz yang sedikit berbeza oleh al-Nasa'i, dalam Kitab Manāsik al-Hajj, *Sunan al-Nasa'i*; Ibn Mājah, dalam Kitab al-Manāsik, *Sunan Ibn Mājah*; Ibn Hudhaimah dan Ibn Hibban dari Ibn 'Abbas, *Ṣaḥīḥ al-Jāmi'*, hadis no. 2680. Lihat al-Qaradāwī (2003), *Fiqh Ikhtilāf*, (terj.) Hasnan Kasan. Bangi: As-Syabab Media, nota kaki no. 69, h. 86.

⁵ Al-Bukhārī, dalam Kitāb al-Īmān, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*; al-Nasa'i, dalam Kitāb al-Īmān wa Syarā'i'uh, *Sunan al-Nasa'i*.

⁶ Al-Qaradāwī (1984), *Kebangunan Islam*., h. 41.

melampau ini seolah-olah berkata: “Adalah hak aku untuk berkata dan kewajibanmu untuk mendengar. Hak aku untuk memimpin dan kewajiban kamu untuk mengikut. Pendapatku benar dan tidak mungkin salah, pendapatmu salah dan tidak mungkin benar”.

Justeru itu sesiapa sahaja atau mana-mana pihak yang bersifat taksub dan fanatik tidak mungkin berpadu dengan pihak lain selama-lamanya, kerana perpaduan hanya akan berlaku dengan menempuh jalan sederhana. Pihak yang fanatik dan taksub sentiasa berada jauh dari pihak lain dan jarak ini tidak akan bertambah dekat, sebaliknya akan bertambah jauh.

Keadaan akan menjadi lebih buruk apabila wujud keinginan untuk mewajibkan sesuatu pendapat ke atas pihak lain secara kekerasan. Antaranya dengan menuduh dan mengutuk orang lain melakukan bid'ah, menurut hawa nafsu, kufur dan keluar dari agama. Sebenarnya keganasan pemikiran ini adalah suatu yang dahsyat sekali.

Fanatik dan taksub akan menjadi lebih berbahaya apabila sikap ini dimanifestasikan dalam bentuk tindakan keras dan memaksa, walaupun terdapat keadaan yang memberi kelonggaran atau kelapangan. Contohnya, percubaan untuk mewajibkan sesuatu yang Allah SWT tidak wajibkan, lalu memaksa orang lain mengerjakan amalan-amalan sunat sama seperti menunaikan yang fardu; atau mewajibkan meninggal yang makruh seperti meninggalkan yang haram. Individu yang memilih untuk bersikap seperti ini termasuk dalam kalangan yang memilih sikap yang amat keras terhadap manusia.

Antara perkara yang diingkari adalah bersikap keras bukan pada tempat dan masa yang sesuai. Pada hal sikap *tasamuh* dan lapang dada harus lebih diutamakan terutama ketika berhadapan dengan orang yang baru memeluk Islam atau berada di negara yang bukan negara Islam. Individu muslim hendaklah mengutamakan sesuatu yang bersifat *kulli*, berbanding dengan yang bersifat *juz'i*, juga mementingkan perkara pokok berbanding dengan perkara *furū'*.

Salah satu tanda ketaksuban dan kefanatikan juga adalah bersikap kasar dalam pergaulan dan gemar menggunakan kata-kata kesat. Allah SWT menyuruh hambaNya berdakwah secara bijaksana dan melalui pengajaran yang baik. Allah SWT berfirman:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ ۗ وَجَدِلْهُم بِآيَاتِي هَيَّ
أَحْسَنُ

Maksudnya:

“Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik.” (Surah al-Nahl (16): 125).

Sebaliknya, perkataan yang kesat dan sikap yang keras hanya perlu digunakan oleh orang-orang beriman ketika mereka berada dalam medan peperangan iaitu ketika berdepan dengan pihak musuh. Allah SWT berfirman:

يَتَأْتِيَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قَاتِلُوا الَّذِينَ يَلُونَكُمْ مِنَ الْكُفَّارِ وَلْيَجِدُوا فِيكُمْ غِلظَةً

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Perangilah orang-orang kafir musyrik yang berdekatan dengan kamu; dan biarlah mereka merasai sikap kekerasan (serta ketabahan hati) yang ada pada kamu.” (Surah al-Taubah (9): 123).

Begitu juga, tiada belas kasihan dalam pelaksanaan hukuman syarak terhadap mereka yang bersalah. Allah SWT berfirman:

وَلَا تَأْخُذْكُمْ بِهِمَا رَأْفَةٌ فِي دِينِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ

Maksudnya:

“Dan janganlah kamu dipengaruhi oleh perasaan belas kasihan terhadap keduanya dalam menjalankan hukum agama Allah, jika benar kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat.” (Surah al-Nur (24): 2).

Dalam medan dakwah, pendekatan keras dan kasar juga tidak wajar digunakan. Malah Rasulullah s.‘a.w. menyatakan, Allah SWT menyukai sikap lemah lembut dalam segala urusan. Golongan yang melampau juga akan memperlihatkan sikap berprasangka buruk kepada pihak lain, memandang seseorang dengan pandangan sinis, menyembunyikan kebaikan mereka dan pada masa yang sama memperbesar-besarkan kesilapan mereka. Mereka lebih banyak menuduh dan menghukum daripada memberi nasihat dan pengajaran.

II

Salah satu manifestasi ketaksuban adalah apabila terdapat sesuatu pihak yang mengkafirkan pihak yang lain, kecuali yang berpegang kepada prinsip mereka, atau menganggotai jemaah mereka. Gejala ini membawa kepada perbuatan menghalalkan darah dan harta pihak lain kerana pada pandangan mereka, golongan tersebut sudah dianggap murtad dan kufur. Penyakit ini disifatkan oleh Yusuf al-Qaradawi seperti penyakit yang menimpa golongan Khawarij pada zaman awal Islam. Penyakit ini wujud bukan kerana pengidapnya iaitu kalangan yang fanatik tidak ikhlas apabila bersikap seperti ini, tetapi terdapat kecacatan pada kefahaman mereka (iaitu mengenai tuntutan agama yang sebenarnya).⁷

Satu lagi manifestasi ketaksuban adalah sikap memilih pendekatan kekerasan iaitu dengan menggunakan senjata bagi menghapuskan apa yang dianggap batil, atau cuba mengubah kemungkaran dengan menggunakan kekuatan senjata. Ia selalunya ditujukan kepada para penguasa yang tidak melaksanakan hukum yang diturunkan Allah SWT, menanggukuhkan pelaksanaan syariat Islam atau menggantikannya dengan hukum atau undang-undang ciptaan manusia. Ertinya, golongan ini akan melancarkan jihad terhadap mana-mana orang yang enggan menunaikan fardu-fardu Islam.⁸

Golongan ini sebenarnya keliru dalam membezakan tugas pemerintah dan tugas individu. Tindakan Abu Bakar r.a. memerangi kaum murtad atau mereka yang enggan membayar zakat, merupakan tanggungjawabnya sebagai pemerintah. Sedangkan sebagai individu muslim, apa yang perlu dilakukan hanyalah melakukan *al-amr bi al-ma'rūf wa al-nahy 'an al-munkar*, menasihati dalam agama - jika mampu - dengan kaedah-kaedah yang dibolehkan. *Taghyir al-munkar bi al-yad* atau menggunakan kuasa atau kekuatan untuk mengubah kemungkaran, bukanlah diwajibkan ke atas semua orang. Sebaliknya, ia hanyalah diwajibkan ke atas pihak yang mempunyai kuasa terhadap orang yang di bawahnya, contohnya, kuasa bapa ke atas anak, kuasa majikan ke atas pekerja atau kuasa pemerintah ke atas rakyatnya.⁹

Dalam nada yang sama, kebanyakan ulama mengisyaratkan bahawa tidak harus mengubah sesuatu kemungkaran jika tindakan tersebut boleh membawa kemungkaran yang lebih besar. Justeru, Ibn Taymiyyah misalnya secara bijaksana membiarkan tentera Tartar melakukan kemungkaran iaitu minum arak. Hal ini

⁷ Al-Qaradawi (1984), *Kebangunan Islam*., h. 66.

⁸ Sadiq, Hasan (2002), *Judhūr al-Fitnah fī al-Firaq al-Islāmiyyah*, Qāhirah: Maktabah Madbūli, h. 407-423.

⁹ *Ibid.*, h. 562.

supaya mereka kekal mabuk lalu mereka tidak melakukan kemungkaran yang lebih besar iaitu membunuh dan merampas harta umat Islam. Inilah kebenaran yang tidak cuba difahami oleh pihak yang mengaku berjihad dengan menggunakan kekerasan terhadap pihak lain, sehingga sanggup membunuh orang yang tidak berdosa dari kalangan orang awam, termasuk wanita, orang tua dan kanak-kanak.¹⁰

Namun, suatu perkara yang patut menjadi perhatian adalah, kadang-kala sikap taksuf dan fanatik ini berlaku sebagai reaksi terhadap pemerintah dan masyarakat yang membiarkan berlakunya kerosakan, kemungkaran, kebatilan, fenomena kekufuran, athiesme dan sekularisme secara berleluasa dan meluas dalam sesebuah masyarakat atau negara. Umpamanya, mereka membiarkan berleluasanya amalan riba, berleluasanya amalan meminum arak dan berzina, serta tiadanya pembelaan terhadap golongan lemah dan tertindas. Akhirnya, berlaku suatu "letupan emosi" dari sebilangan ahli masyarakat yang tidak senang dengan kewujudan atau kemunculan amalan-amalan buruk tersebut. Lantaran itu, mereka memilih pendekatan kekerasan untuk menghapuskan amalan-amalan mungkar tersebut. Apatah lagi apabila beberapa hukum agama dipermainkan, misalnya melarang perkara yang diharuskan atau yang patut diamalkan. Malah, di negara-negara tertentu, amalan menutup aurat dilarang dan amalan belia-belia Islam yang ke masjid untuk menunaikan solat subuh berjemaah, dianggap sebagai suatu jenayah, sedangkan dalam waktu yang sama, perbuatan maksiat tidak dicegah dengan cara yang berkesan.¹¹

Dengan kata lain, Islam yang ada dalam masyarakat sudah bercampur-baur dengan kesyirikan dalam akidah, kebid'ahan dalam ibadat, dan berleluasanya amalan-amalan negatif dalam masyarakat, sedangkan *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar* tertunda. Islam yang tinggal hanyalah dalam bentuk kosmetik, diamalkan ketika menyambut kelahiran seseorang anak atau ketika di perkuburan, atau hanya ditonjolkan cerita-cerita keramat dan disertakan menerusi bacaan tasbih yang panjang. Islam yang diamalkan mendidik muslim tunduk kepada kebatilan dan menyerah diri kepada kezaliman. Islam tinggal kulit sahaja, tiada lagi isinya; Islam yang jumud, bukan lagi cergas; Islam yang terpinggir, bukan lagi yang menjadi arus; Islam yang mengundur diri ke belakang, bukan lagi maju ke depan.¹²

Fenomena lain yang menyuburkan sikap taksuf dan fanatik ialah bersikap jumud dalam berfikir, mendarat dalam memahami sesuatu, mencari yang payah dalam

¹⁰ Al-Qaradāwī (1990), *Al-Ṣaḥwah al-Islāmiyyah bayn al-Ikhtilāf al-Masyrū' wa al-Tafarruq al-Madhmūm*, Mansūrah: Dār al-Wafa', h. 167.

¹¹ Al-Qaradawi (1984), *Kebangunan Islam*., h. 185-188.

¹² Al-Qaradāwī (1995), *Syumūl al-Islām*, Qāhirah: Maktabah Wahbah, h. 67.

berfatwa, dan memilih pendekatan dakwah yang mengakibatkan orang awam menjadi liar dan keras dalam pergaulan. Fenomena ini menyebabkan ternafinya tajdid, dan ijtihad dalam menetapkan sesuatu hukum. Para ulama hanya tahu mengatakan haram dan bid'ah sahaja, tetapi tidak mampu untuk berjihad dan meneliti sesuatu ketetapan hukum secara mendalam. Fenomena ini bolehlah dinamakan sebagai aliran *zahiriyah* baru. Mereka hanya sibuk dengan soal janggut dan serban, mencari pandangan yang berat dalam fatwa, mengharamkan wanita bekerja atau turut serta dalam pengundian pilihanraya dan sebagainya.¹³ Semua ini berlaku kerana pemimpin dan guru mereka mempunyai kefahaman yang cetek terhadap persoalan agama yang menyebabkan mereka terdorong untuk menerima pendapat tersebut berasaskan kekurangan ilmu dan kefahaman.¹⁴ Benarlah maksud hadis Rasulullah s.a.w. tentang bahayanya ilmu yang separuh masak.

III

Sikap fanatik dan taksuf ini seharusnya dihadapi dengan menggembeling tenaga dan usaha untuk meneguh dan memperkembangkan aliran sederhana yang menjadi pegangan jumhur umat Islam sejak zaman berzaman. Aliran sederhana yang dimaksudkan adalah aliran yang lebih cenderung untuk menggunakan kaedah *taysir* (memudahkan) dalam fatwa dan *tabsyir* (menggembirakan) dalam dakwah. Kaedah ini dianjurkan oleh Rasulullah s.a.w. agar dipraktikkan oleh Abū Musa al-Asy'ari dan Mu'adh bin Jabal al-Ansari setelah kedua-dua mereka diutus untuk menjadi gabenor ke Yaman. Rasulullah s.a.w. bersabda:

يَسِّرُوا وَلَا تُعَسِّرُوا وَبَشِّرُوا وَلَا تُنْفِرُوا

Maksudnya:

*“Permudahkan dan jangan mempersulitkan, beri khabar gembira dan jangan meliarkan.”*¹⁵

Aliran sederhana ini akan membebaskan diri daripada sikap taksuf kepada mazhab secara melampau dan boleh menerima kaedah “Berubah fatwa dengan

¹³ Al-Qaradawi (1984), *Kebangunan Islam*., h. 314-316.

¹⁴ Mohamad Kamil Ab. Majid (2000), *Tajdid: Perspektif Sejarah Dan Masa Kini*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 112-113.

¹⁵ Hadis Muttafaq 'Alayh. Al-Bukhari, Kitab al-'Ilm, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*; Muslim, Kitāb al-Jihād wa al-Siyār, *Ṣaḥīḥ Muslim*.

perubahan zaman dan tempat". Para ulama diberi kelonggaran berijtihad mengikut zaman dan situasi mereka. Sementara dalam berdakwah, seseorang pemimpin akan mendahulukan pendekatan *tabsyir* dan kasih sayang, dan bukan cenderung kepada pendekatan kasar, berasaskan metode ancaman yang menakutkan di sepanjang masa. Ini kerana setiap insan mesti diberikan harapan, bukannya diputuskan harapan yang ada.

Justeru, seperti adanya kelonggaran berbeza pendapat dalam mazhab hukum, perbezaan pendapat dalam pegangan politik juga harus dibenarkan. Setiap mazhab ada pemimpin masing-masing. Jadi, bagi mengurangkan ketaksufan dan kefanatikan ini, haruslah diperluaskan saluran kepada pihak-pihak yang berbeza pendapat ini untuk berdialog dalam hal-hal yang menyentuh isu-isu keagamaan, pemikiran dan politik. Dialog-dialog antara agama dan peradaban juga perlu diberi peluang yang sama.

IV

Adalah perlu diberikan perhatian agar aliran sederhana ini sentiasa berada di tengah-tengah, misalnya, antara pihak yang berpegang kepada mazhab secara sempit, dengan pihak yang langsung tidak bermazhab, antara pihak yang mengamalkan tasawuf sampai mengamalkan perkara bid'ah dan meyeleweng, dengan pihak yang menolak terus tasawuf atau memusuhi tasawuf, hatta tasawuf yang mengikut sunnah dan beriltizam dengannya. Begitu juga misalnya, aliran ini perlu berada di tengah-tengah antara pihak yang menggunakan pendekatan rasional secara melampau hingga menolak nas-nas yang *qat'î*, dengan pihak yang menerima nas semata-mata sehingga menolak kerasionalan akal.

Pertentangan akan sentiasa berlaku antara pihak yang mengambil pendekatan kekerasan, dengan pihak yang mencuaikan langsung agama. Kadangkala, dalam kehairahan menolak golongan yang bersikap taksuf dan fanatik, kalangan yang bersikap lalai terhadap tuntutan agama dibiarkan begitu sahaja. Malah, sebenarnya sebahagian dari faktor yang menyebabkan munculnya sikap taksuf dan fanatik dalam masyarakat adalah hasil dari tindak balas sebahagian dari kelompok masyarakat terhadap kepura-puraan yang wujud dalam masyarakat tersebut. Contohnya, ada kalangan yang membaca al-Qur'an, tetapi tidak berusaha melaksanakan hukum-hukum yang terkandung dalam ayat yang dibacanya, ada kalangan yang mendakwa mencintai Rasulullah s. 'a.w., tetapi sebaliknya, mengabaikan Sunnah baginda s. 'a.w. Golongan belia sebagai contoh, cenderung untuk berfikiran sempit kerana pengaruh orang tua-tua yang sentiasa bercanggah pendapat antara satu sama lain dan bersikap kepura-puraan. Ibu bapa tidak mempedulikan mereka, para ulama membiarkan

mereka dengan dunia mereka atau ada ulama yang mengutuk mereka, pemerintah pula terus menyogok golongan tersebut dengan hiburan yang melalaikan, sedangkan dalam masa yang sama tokoh-tokoh masyarakat mempermain-mainkan mereka.

Sikap taksub dan fanatik boleh diawasi apabila setiap orang memperbaiki diri masing-masing. Masyarakat perlu mendekati agama dengan mengikuti apa yang diperintahkan oleh Allah SWT dan meninggalkan apa yang dilarangnya. Apabila seseorang pemimpin bertenang, berlembut, bersikap bijaksana dan bersederhana, barulah mereka boleh mengajak pihak lain agar bersifat dengan sifat-sifat mulia tersebut.

Pemimpin badan-badan agama, terutama Jabatan Kemajuan Islam Malayisa, jabatan-jabatan dan majlis-majlis agama negeri-negeri, haruslah terlebih dahulu mengembalikan kewibawaan mereka. Antaranya mereka perlu membebaskan diri dan institusi yang mereka pimpin dari pengaruh politik dan tidak dilihat menjadi alat untuk menyokong atau menentang langkah-langkah pemerintah. Pemimpin badan-badan ini, malah para pegawainya akan hilang wibawa apabila ia dilihat hanya menjadi alat untuk memuji-muji pihak tertentu sahaja, bukan bertindak menegakkan prinsip 'berdiri atas jalan kebenaran'.

Peranan badan-badan agama ini amat penting dalam masyarakat dan peranan ini akan dapat dijalankan dengan berkesan kalau kepimpinannya diserahkan kepada individu yang benar-benar berkeahlian. Sementara orang politik, sama ada pemerintah atau pembangkang, mereka tidak harus memainkan peranan politik mereka untuk memutar-mutarkan haluan, sama ada ke Timur atau ke Barat. Kalau tidak, badan-badan agama ini hanya akan menjadi gah dengan memiliki bangunan-bangunan yang besar tanpa adanya roh dan ia tidak lagi mendapat kepercayaan orang ramai.

Sesungguhnya kata-kata dari mereka yang sudah tidak dipercayai lagi tidak akan mempunyai sebarang nilai, begitu juga dengan tulisan mereka. Bila institusi-institusi tersebut sudah tidak dipercayai lagi, maka suara yang terbit darinya tidak akan ke mana dan seruan pegawai-pegawainya adalah laksana jeritan seseorang yang akan hilang lenyap tanpa kesan. Harus disedari bahawa dewasa ini, sudah ramai orang yang hilang kepercayaan terhadap badan-badan ini serta tokoh-tokohnya kerana beberapa sebab dan keadaan. Antaranya mereka dianggap tidak menyuarakan secara ikhlas kalimat syarak yang suci, tetapi dianggap mengikut irama pihak berkuasa. Ada tokoh-tokoh di sesetengah negara atau negeri yang berubah pendirian mereka apabila pemerintah berubah di negara atau negeri tersebut.

Andainya badan-badan ini yang dijadikan rujukan oleh masyarakat berusaha memperbaiki institusi masing-masing dari dalam dan menolak campur tangan politik

yang sentiasa berubah-ubah, serta berusaha melahirkan generasi ulama yang memiliki pengetahuan agama yang mendalam serta mempunyai pemikiran yang tajam mengenai hal-ehwal semasa, badan-badan inilah yang amat diperlukan oleh masyarakat untuk membimbing mereka. Masyarakat akan terpaut dan terpengaruh dengan pihak-pihak yang mengambil berat mengenai hal-ehwal mereka. Mereka sebaliknya akan menolak pihak-pihak yang mengabaikan kebajikan mereka dan tidak berusaha untuk menyelami kesusahan mereka. Badan-badan yang hanya hidup untuk menjaga atau memperjuangkan kepentingan individu atau keluarga tertentu, sudah tentu tidak akan dapat menyumbang apa-apa faedah dan memberi kesan apa-apa kepada masyarakat yang sedang menderita.

Jika pemimpin badan-badan agama dan para pegawainya ingin membenters sikap taksuf dan fanatik dalam masyarakat, mereka haruslah keluar dari bilik berhawa dingin mereka dan merenung ke tengah masyarakat agar mereka dapat memahami cita-cita masyarakat yang cukup besar, semangat mereka yang berkobar-kobar, azam mereka yang kuat, tujuan mereka yang mulia, dan mengenalpasti amalan mereka yang salah atau menyeleweng dari landasan kebenaran. Hal ini, supaya para pemimpin dan pegawai tersebut mengetahui apa yang ada dalam masyarakat dan memahami aspek-aspek positif dan negatif yang terdapat di dalamnya. Dengan itu, barulah mereka dapat memberi nasihat berdasarkan *basīrah* atau memutuskan sesuatu hukuman berdasarkan realiti sebenar sesuatu perkara.

V

Usaha untuk mengubati atau menyelesaikan masalah taksuf dan fanatik ini ia tidak dapat dilakukan dalam sekelip mata sahaja. Penyakit ini berpunca dari beberapa faktor, misalnya faktor pemikiran, kejiwaan, kemasyarakatan dan politik. Maka pengubatannya juga haruslah mengambilkira semua faktor tersebut. Memandangkan gejala-gejala negatif ini bercorak keagamaan, maka jalan penyelesaian yang ingin diketengahkan juga hendaklah bertitik-tolak dari landasan agama dan dilaksanakan berdasarkan perspektif agama. Golongan fanatik dan bersifat taksuf tidak harus sentiasa dianggap sebagai pihak tertuduh dan diberi gelaran-gelaran yang negatif. Mereka harus digauli dengan baik dengan jiwa kebapaan. Mereka juga perlu dianggap sebagai sebahagian dari ummah. Umat Islam harus menjadi pembela mereka, dan paling tidak menjadi hakim yang akan mengadili mereka dengan cara yang adil dan objektif.

Adalah menjadi keaiban kepada umat Islam apabila mereka segera menjatuhkan hukuman kepada tertuduh, tanpa perlu mendengar hujah-hujah pembelaan mereka. Kadangkala, mangsa yang dituduh tidak dikenali dari dekat, lantas terus dihukum dari

jauh. Banyak juga pihak-pihak tertentu atau sebilangan ahli masyarakat yang menjatuhkan hukuman secara menyeluruh terhadap sesuatu perkara berdasarkan satu atau dua tindakan yang dilakukan oleh sebilangan kecil ahli masyarakat tersebut. Seperkara lagi, dalam menghadapi pihak yang taksub dan fanatik ini, mana-mana pihak tidak harus menggambarkan mereka dengan gambaran-gambaran negatif secara keterlaluan, umpamanya satu benih yang digambarkan sebagai 'buah', atau seekor 'kucing' yang digambar seekor 'harimau'. Kecenderungan untuk memberi gambaran terhadap mereka secara keterlaluan boleh menakutkan orang ramai dan mengelirukan hakikat sebenar sesuatu perkara. Ertinya, sikap melampau, taksub dan fanatik tidak harus dihadapi secara melampau, fanatik dan taksub juga. Sebenarnya, kemunculan golongan yang bersikap melampau, fanatik dan taksub dalam agama adalah sebagai respons atau gerak balas terhadap kemunculan golongan yang melampau, bersikap fanatik dan taksub dalam mencuaikan tuntutan agama. Pihak yang menentang agama atau mencuaikan agama harus dikembalikan kepada kesederhanaan juga, iaitu dengan mengajak mereka kembali menghayati tuntutan agama yang mereka cuaikan, supaya pihak yang melampau dalam agama ini kembali kepada tahap kesederhanaan dalam penghayatan agama mereka.